

Pemaparan Identiti Remaja Lelaki dalam Genre Filem Remaja Indonesia

Firdaus El Hadi
Md Azalanshah Md Syed*
Hamedи Mohd Adnan
Universiti Malaya, Malaysia

Mohd Nazri Ibrahim
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Emel perhubungan: azalan@um.edu.my*

Abstrak

Artikel ini memberi tumpuan kepada perkembangan genre filem remaja di Indonesia dan pengaruhnya dalam pembentukan identiti dalam kalangan remaja, khususnya remaja lelaki. Hal ini demikian kerana kepelbagaiannya dalam pemaparan dalam filem remaja memberi suatu perspektif semasa mengenai perubahan sosial dalam masyarakat. Pada masa yang sama, genre filem remaja menjadi suatu platform penting untuk meneliti kepelbagaiannya naratif yang menyumbang kepada pembentukan identiti remaja di Indonesia.

Kata kunci: Budaya Pop, Filem Remaja, Identiti Budaya, Indonesia

Representation and Identity of Male Adolescent in Indonesian Teen Films

Abstract

This article focuses on the development of the youth film genre in Indonesia and its influence on the formation of everyday identity, especially among males youth. Teen movies is one of the popular genres in the Indonesian film industry. For instance, Dilan 1990 was watched by more than 6 million viewers. In fact, the Ada Apa Dengan Cinta film also received recognition in the Asian region, especially among Malaysian movie goers. This article argues that teen flims, particularly those strarring male teenagers have a certain influence on how everyday indentities are developed. This is happening because the variety of depictions in teen films offer a contemporary view of societal trends. At the same time, scholars can use teen films as a significant study tools to examine the diversity of narratives that contribute to the formation of youth identity.

Keywords: Popular Culture, Teenage Movies, Culture, Identity, Indonesia.

Pendahuluan

Filem remaja merupakan salah satu genre filem yang turut mendapat perhatian para penyelidik filem yang menganalisisnya daripada pelbagai aspek seperti pemaparan, ideologi dan jalur penceritaan. Filem remaja secara asas boleh ditakrif sebagai filem yang dilakukan oleh remaja secara eksklusif atau sebahagian besar jalan ceritanya ditujukan untuk remaja atau individu pada tahap awal dewasa (Morawitz, 2008).

Catherine Driscoll (2011) menyatakan bahawa kehadiran remaja dalam sebuah filem tidak menjadikannya sebagai filem remaja, tetapi iaanya bergantung kepada pembentukan hubungan antara watak-watak tersebut dengan para penonton mereka. Sebagai contoh Driscoll menyatakan bintang filem remaja yang popular pada masanya, iaitu Mickey Rooney, Judy Garland, dan Deannny Durbin lebih dekat dengan penonton yang lebih dewasa kerana “kerja keras dan ketabahan dan perjuangan mereka” (Smith, 2017).

Sebagai sebuah genre, filem remaja menurut Considine (1981) dapat dimasukkan dalam berbagai genre yang sudah ada. Berbeza dengan Shary (2002), yang berpendapat bahawa apa yang disebut sebagai filem remaja harus diberi konsep sebagai sebuah genre. Oleh kerana kesukaran dalam menentukan genre berdasarkan perkara, tema ataupun naratif, Shary (2002) lebih cenderung melihat bagaimana watak remaja itu muncul dan diletakkan menjadi peranan utama.

Filem remaja itu sendiri dapat dibahagikan kepada beberapa sub-genre, misalnya *teen romance* atau roman remaja sebagai genre filem remaja yang berkaitan dengan *femininity* (Heryanto, 2008). Filem seperti *Sixteen Candle* (1984) dan *Clueless* (1995) barangkali boleh memberi perspektif yang baharu kepada pengkritik filem. Watak wanita biasanya dipaparkan agar lebih kuat berbeza dengan watak lelaki. Biasanya, perwatakan lelaki dalam filem roman remaja dan filem yang lebih dewasa adalah sama.

Tambahan lagi, watak lelaki dalam filem remaja juga dapat menjadi sebuah sub genre tersendiri. Salah seorang bintang filem remaja yang popular pada zamannya adalah James Dean dengan filem terkenalnya *Rebel without a Cause*. Watak yang dimainkan oleh James Dean biasanya seiring dengan watak seorang pemberontak. Oleh yang demikian, filem ini memaparkan bentuk pemberontakan remaja sebagai sebahagian dari “politik identiti” atau masih bergelut dalam pencarian sifat sebenar seseorang. Dalam filem itu juga tergambar keganasan anak muda dan bagaimana pola asuh tradisional ibu bapa berfungsi (Shary, 2007).

Pada akhir 1970-an, penonton dapat menyaksikan lakonan John Travolta dalam beberapa filem remaja; yang terkenal adalah *Saturday Night Fever* dan *Grease*. Remaja lelaki dalam kedua-dua filem ini digambarkan sebagai lelaki yang pandai menari dan bijak merayu. John Travolta dalam filem ini menjelaskan konflik dalaman wataknya dengan kemahirannya menari, apabila pergerakannya dan gerak isyaratnya penting untuk difahami sebagai sebuah naskhah persembahan (Smith, 2017).

Era yang disebut sebagai era emas filem remaja adalah pada era 1980-an dengan kemunculan sejumlah besar filem remaja yang diarahkan atau diterbitkan oleh John Hughes. Filem arahannya mencakupi *The Breakfast Club* (1984), dan *Ferris Bueller Day Off* (1987). Dalam filem *The Breakfast Club*, watak remajanya berasal dari lapisan sosial berbeza. Oleh itu, mereka akan dikumpulkan oleh pengurusan sekolah di sebuah ruangan jika melakukan kesalahan. Salah seorang watak lelaki dalam filem iaitu, Bender (dilakonkan oleh Judd Nelson) adalah seorang pemberontak kerana tindakan kekerasan yang dilakukan bapanya yang membakar tangannya dengan rokok. Kelakuan liarnya di sekolah boleh sahaja berlaku disebabkan salah asuh pihak ibu bapa dan juga dipacu oleh kadar kemiskinan yang tidak berkesudahan (Nelson, 2019).

Kajian yang dibincangkan dalam bahagian ini menunjukkan pemaparan filem remaja di Hollywood yang barangkali akan berbeza jika dibandingkan dengan filem di negara lain, terutama produksi dari negara sedang membangun seperti Indonesia. Apapun, perbezaan atau persamaan yang ada akan menambah kepelbagaian kepada jumlah dan genre dalam filem remaja yang diterbitkan di seluruh dunia.

Sejarah dan Perkembangan Filem Remaja Indonesia

Pada awal abad ke-20, masyarakat di Kepulauan Indonesia atau Hindia Belanda sudah boleh menonton wayang gambar. Hanya dalam tempoh lima tahun setelah teknologi wayang gambar dicipta di Amerika Syarikat, Perancis dan Britain juga sama-sama meneroka teknologi yang boleh memancarkan imej berupa gambar-gambar hidup yang bergerak di

atas layar. Oleh itu, penduduk di Indonesia yang merupakan jajahan Belanda pada ketika itu sudah boleh menikmati penemuan luar biasa yang menghiburkan mereka itu.

Pada dekad permulaan alaf ke-20 itu, pertunjukan wayang gambar belum dibuat di bangunan yang tetap dan kegiatan pertunjukan filem akan berpindah-randah dari satu tempat kepada satu tempat yang lain. Setelah aktiviti menonton filem diadakan di bangunan yang tetap, maka wujudlah panggung wayang khusus untuk kelompok penonton tertentu seperti panggung wayang khas untuk warga Eropah, yang dipisahkan dengan warga peribumi Indonesia (Biran, 2009, 30).

Dari segi pemilikan, pada awalnya panggung wayang dimiliki oleh orang Eropah sahaja namun demikian pemodal Cina mula mencebur perniagaan itu kerana ianya boleh menguntungkan berikutan sambutan ramai yang sungguh menggalakkan. Justeru itu, pada tahun 1920-an, pawagam sudah beroperasi di bangunan tetap dan mempunyai modal perniagaan yang mencukupi. Pada tahun 1925 sebahagian besar pawagam di Indonesia sudah dimiliki oleh pemodal Cina (Abdullah, Ardan, Biran, & Dewan Film, 1993, 51).

Pembikinan filem Indonesia pertama dapat dilihat pada tahun 1926 iaitu melalui penerbitan filem *Loetoeng Kasarung* (1926), filem bisu yang dibuat berdasarkan cerita legenda Sunda yang sering ditampilkan dalam bentuk pertunjukan wayang atau sandiwara (Aartsen, 2011). Syarikat yang mengeluarkan filem pertama adalah N.V Jawa Filem Company yang didirikan oleh L.Heuveldorp dari Batavia dan G. Krugers dari Bandung. Penerbitan filem ini mendapatkan sokongan dan bantuan dari Bupati Bandung Raden Aria Adipati Wiranatakusumah V, bahkan para pelakonnya adalah sepupu dan anak saudara kepada Bupati. Mereka adalah golongan berpendidikan tinggi dan fasih berbahasa Belanda (Abdullah et al., 1993, 83).

Pada tahun 1937, Albert Balink sebagai pengarah menghasilkan filem *Terang Boelan*. Wong bersaudara juga menceburkan diri dalam arena pengarahan filem pada masa itu. Filem *Terang Boelan* adalah filem Indonesia pertama yang bersuara; dihasilkan untuk meraih keuntungan. Filem itu juga adalah saduran kepada filem Hollywood yang bertajuk *The Jungle Princess*, yang dibintangi Dorothy Lamour. *Terang Boelan* menggabungkan lagu yang popular dalam kalangan penonton Indonesia. Filem itu sesuai dengan citarasa penonton ketika itu dan tidak hairanlah ia mengaut keuntungan besar, impian yang mengilhami kehidupan yang lebih bersemangat. Filem itu turut menarik perhatian penonton sejauh Semenanjung Tanah Melayu dan lagu daripada filem dengan tajuk yang sama menjadi sangat popular (Biran, 2009).

Filem *Terang Boelan* menyuarakan kritikan kepada nilai-nilai tradisional yang melarang pernikahan antara para pasangan muda. Naratif *Terang Boelan* hampir seluruhnya berkembang dengan latar belakang negeri asing Singapura dan Malaya yang popular, jauh dari kampung halaman watak filem tersebut di Pulau Jawa. Filem *Terang Boelan* menarik perhatian ramai pengkritik filem sehingga ada yang menggelarnya sebagai cetak biru (*blue print*) kepada filem popular di Indonesia (Krishna Sen, 2009, 27). Walau bagaimanpun, filem itu juga dikritik oleh beberapa penilai seperti pengarah filem terkenal Indonesia, Teguh Karya. Baginya: “*the Legacy of Terang Boeland has been a stereotype film story for the industry, and an established techniques which has remained undeveloped and static*” (Heider, 1991). Apa yang nyata, *Terang Boelan* adalah filem remaja pertama yang popular di Indonesia.

Dekad 1970-an adalah tempoh pembikinan genre filem remaja yang produktif dengan adanya penghasilan sejumlah filem yang diadaptasi dari karya novel-remaja. Filem seperti *Ali Topan Anak Jalanan* atau *Gita Cinta dari SMA* mendapat sambutan yang memberangsangkan dan boleh dianggap sebagai filem yang popular pada dekad itu. Beberapa pelakon baharu filem mencipta nama seperti Yessy Gusman atau Yati Octavia dengan memegang watak protagonis sebagai remaja sekolah menengah atas di kota raya (Miftakhul, 2017).

Dekad 1970-an juga ditandai dengan pengharaman tayangan filem remaja yang diarah oleh Syumandjaya yang bertajuk *Yang Muda Yang Bercinta* (1977), dibintangi oleh penyair Indonesia terkenal, W.S Rendra. Filem ini sudah lulus tayangan pada 15 April 1978 dengan potongan 18 minit, namun filem ini telah dilarang ditayangkan pada bulan Mei 1978 di wilayah Kodam Jaya, kerana didapati mempunyai unsur propaganda, agitasi dan menghasut masyarakat, khususnya generasi muda. Isu itu berlanjutan sehingga pada September 1993, barulah filem itu dapat ditayangkan di Jakarta.

Pada akhir 1980-an, sebuah lagi filem terbitan Indonesia juga menarik perhatian penonton remaja Indonesia iaitu *Catatan Si Boy*. Filem ini mengisahkan watak remaja lelaki yang bernama Boy, seorang yang cerdas dengan latar belakang keluarga kelas atasan Indonesia. Menurut Sen dan Hill (K. Sen & Hill, 2001), *Catatan Si Boy* dapat dihubungkan dengan munculnya pasaran untuk kelompok remaja yang menjadi refleksi pertumbuhan pesat ekonomi dan kesejahteraan kelas menengah dan atasan pada dekad 1980-an di Indonesia. Filem *Catatan Si Boy* dibintangi oleh Onky Alexander sebagai pemegang watak utama dapat ditafsirkan sebagai imej anak muda yang ideal dengan gabungan nilai Barat dan nilai-nilai Orde Baru (Hanau, 2008).

Filem ini jelas menunjukkan kehidupan kelas menengah dalam sebuah negara yang sedang membangun dengan pesatnya. Dalam filem ini, Boy digambarkan memandu kereta mewah jenama BMW yang merupakan simbol kepada status kaum elit. Selain itu Boy gemar berhibur di diskò, namun demikian Boy tidak pernah lupa untuk mengerjakan solat fardhu lima waktu sesuai dengan tuntutan Islam. Secara ironinya, pusat hiburan seperti diskò pada masa Orde Baru dicitrakan sebagai tempat maksiat (Sasono, 2010, 53). Disebabkan populariti filem berkenaan, ianya telah membuka jalan bagi anak muda yang taat kepada ajaran agama Islam terdedah kepada budaya konsumerisme, yang mekar pada era reformasi. Selain *Catatan Si Boy* yang memperkenalkan watak Boy yang popular, filem berjudul *Lupus* pula menggambarkan seorang remaja yang cerdas dan berprestasi meskipun dia dianggap melanggar

aturan sekolah. Secara umum, *Lupus* ditampilkan sebagai remaja sekolah menengah atas yang jahil dan tidak takut melakukan sesuatu yang dianggap melanggar aturan (Noviani, 2011).

Pada awal tahun 1990, filem Indonesia mula mengalami kemunduran. Jumlah penghasilan filem sebanyak 115 filem pada tahun 1990 terus menjunam kepada tiga buah filem sahaja pada tahun 1999 (Aartsen, 2011, 9). Antara faktor yang merencatkan pengeluaran filem tempatan Indonesia adalah meningkatnya dominasi filem import dari Hollywood. Selain daripada itu, kemunculan banyak stesen televisyen swasta menyebabkan berlakunya persaingan yang menyebabkan kemerosotan teruk dalam penerbitan filem tempatan.

Dominasi filem import berlaku dengan cepat kerana jaringan pawagam Cinema 21 berkembang dengan cepatnya di seluruh negara. Jaringan pawagam berkenaan dimiliki oleh Sudwikatmono, yang merupakan sepupu kepada bekas Presiden Indonesia, Soeharto. Secara umumnya, dekad terakhir alaf ke-20 menyaksikan jumlah penerbitan filem tempatan merosot dengan teruk dan kebanyakannya filem yang dihasilkan adalah dibuat secara komersial dengan dibiayai oleh kumpulan kecil pemilik filem yang kebanyakannya cenderung menghasilkan filem seram sensasi atau filem berbaur seks, atau kedua-duanya sekali.

Kebangkitan kembali filem Indonesia tidak dapat dinafikan bermula selepas berakhirnya era Orde Baru, dan bermula dengan filem bergenre remaja yang bertajuk *Kuldesak* (1998), yang merupakan filem omnibus dengan empat cerita berbeza gabungan empat buah filem berbeza yang diarahkan oleh Nan T. Achnas, Mira Lesmana, Riri Riza, dan Rizal Mantovani. Filem ini banyak dipengaruhi oleh filem Barat, salah satunya adalah *Pulp Fiction*. Secara umum, filem ini menggambarkan kekecewaan karyawan filem pada masa itu terhadap senario industri filem Indonesia. Filem ini dibuat dengan dua tujuan; pertama, membuat filem secara bebas dan keluar dari kawalan peraturan pemerintah. Keduanya, untuk menumbuhkan budaya auteur dan mewujudkan kolaborasi antara penggiat filem generasi muda Indonesia (Yngvesson, 2015).

Mira Lesmana dan Riri Riza kemudiannya menghasilkan filem *Ada Apa dengan Cinta* yang ditayangkan pada tahun 2002 dan mencetuskan fenomena dalam kelesuan industri perfileman Indonesia saat itu. Setelah menghasilkan filem *Anak Petualangan Sherina* pada tahun 2000, Mira Lesmana dan Riri Riza, mulai melihat adanya peluang untuk menerbitkan filem remaja. Filem *Ada Apa dengan Cinta* akhirnya dihasilkan dan ditayangkan kepada umum pada 8 Februari 2002 dan berhasil mendapat jumlah penontonan sebanyak 2.7 juta, sebuah rekod pencapaian terbaik pada masa itu (Irwansyah, 2016). Filem itu juga berjaya menerapkan elemen puisi dalam filem dengan mengutip karya dua orang tokoh kemerdekaan, iaitu Chairil Anwar dan Syumandjaya, yang mencipta gelombang mencintai puisi dalam kalangan generasi muda (Gobbel, 2002). Ledakan kejayaan filem itu juga tercetus kerana melodi kegemaran ramai yang menjadi runut filem yang dinyanyikan dan dihasilkan oleh Melly Goeslaw dan Anto Hoed, penyanyi dan komposer popular Indonesia ketika itu.

Filem remaja era reformasi juga tidak melulu bercerita tentang percintaan. Filem *Mengejar Matahari* (2004) yang diarahkan Rudi Soedjarwo bercerita tentang persahabatan antara remaja lelaki di pinggiran kota. Filem ini penuh dengan adegan kekerasan, walaupun pengkritik filem menyatakan elemen keganasan tidak menjadi perhatian, melainkan elemen lain seperti plot, dialog, dan runut filem yang dianggap lemah (Heryanto, 2008, 50).

Isu yang cukup tabu seperti homoseksualiti juga ditemukan dalam filem *Coklat Stroberi* (2007). Filem ini diarahkan oleh Ardy Oktaviand. Apa yang menariknya, filem itu juga diterbitkan bersama dengan novel dan juga muzik video oleh kumpulan muzik terkemuka Indonesia, *Ungu*. Walaupun banyak filem Indonesia yang menggambarkan homoseksualiti, tetapi filem ini menjadi tumpuan pengkritik filem *Coklat Stroberi* bergenre komedi romantik dan ditujukan untuk kalangan muda (Murtagh, 2010).

Pada tahun 2018, filem remaja mencipta sejarah apabila filem *Dilan 1990* yang mula ditayangkan pada Januari 2018 telah ditonton oleh lebih

daripada enam juta penonton, dan menjadi filem terlaris sepanjang masa kedua di Indonesia. Filem yang dipadankan dari novel bertajuk sama karya Pidi Baiq ini bahkan ditonton oleh Presiden Indonesia, Jokowi yang menyifatkannya sebagai filem yang dinarasikan secara baik dan dapat menangkap kehidupan remaja di Indonesia (The Jakarta Post, 2018).

Identiti Remaja dalam Genre Filem Remaja Indonesia: Suatu Sorotan

Filem yang dipilih untuk kajian ini adalah filem remaja yang popular dalam fasa yang dinyatakan iaitu tahap Orde Baru yang terdiri dari filem *Ali Topan Anak Jalanan* (1977), *Catatan Si Boy* (1987) dan *Lupus III* (1989). Kategori kedua adalah filem selepas Orde Baru iaitu *Ada Apa dengan Cinta* (2002) dan *Ada Apa dengan Cinta 2* (2016). *Ali Topan Anak Jalan* adalah filem yang diadaptasi dari novel bertajuk sama karya Teguh Esha.

Catatan si Boy (1987) pula adalah filem yang diadaptasi dari drama radio bertajuk sama yang disiarkan oleh Radio Prambors Jakarta. Drama radio yang popular itu ditulis oleh Marwan Al Katiri yang menarik perhatian penerbit, Sudwikatmono dan pengarah, Nasri Cheppy untuk mengangkatnya ke layar perak. Filem yang ditayangkan pada tahun 1987 telah mencapai kejayaan besar dan mengangkat nama pemegang watak Si Boy, iaitu Onky Alexander. Filem yang dihasilkan sehingga lima siri menumpukan ceritanya kepada konflik lelaki dan perempuan. Formula itu berjaya meningkatkan jualan tiket kelima-lima filem kerana para penonton Indonesia waktu itu sepertinya terpesona dan terkesan dengan kemelut cinta Boy. Menurut data Perfin, *Catatan Si Boy* (1987) merupakan filem terlaris ketiga di Jakarta, dengan 313, 516 penontonan. Prestasi tersebut bertambah baik semasa tayangan *Catatan Si Boy II* (1988) yang mencatat 475, 201 penonton. Sementara itu, *Catatan Si Boy IV* (1990) dan *Catatan Si Boy V* (1991) adalah termasuk lima tajuk besar filem terlaris dengan kadar penontonan, masing-masing dengan 335,125 dan 254, 009 penontonan.

Menurut Jonathan Pasaribu (filmindonesia.or.id), kesemua filem *Catatan Si Boy* merupakan filem kelompok arus utama yang cenderung

menumpukan masyarakat dalam satu kelas sosial sahaja: kelas menengah. Konsekuensinya, tindak-tanduk karakter dalam cerita didefinisikan oleh kegiatan konsumsinya. Semua filem *Catatan Si Boy* digerakkan oleh konflik Boy dengan teman wanita dalam hidupnya, mulai dari proses penolakan, hubungan yang dilarang orang tua, sehingga kepada hubungan sulit yang terjadi. Siri filem *Catatan Si Boy* diadun dalam pakej set serba mahal, mulai dari penggunaan kereta mewah, perempuan cantik, sehingga gaya hidup Boy yang *jetset*. Filem itu juga memaparkan simbol-simbol budaya pop zaman itu yang menghiasi filemnya.

Perwatakan Si Boy juga digambarkan sebagai serba sempurna, walau tidak dijelaskan sumber kekayaan orang tuanya, tetapi Si Boy adalah anak yang sangat kaya, yang memiliki sejumlah kereta mewah seperti Rolls Royce, Mercedes Benz, dan BMW. Boy juga memiliki pelbagai kemampuan yang menjadikannya sebagai remaja yang sempurna, seperti keterampilan memandu kereta, jaguh dalam perkelahian dan tetap rajin beribadah. Hanan (Hanan, 2008) menegaskan bahawa siri Si Boy telah “*simply present us with a cool personality and ego ideal, who enacts a scenario that the film’s producers imagine unifies the desires of the young with the aims, values, and financial priorities of the establishment, a curious mixture of the hedonistic and the luxurious with the puritan and the outwardly restrained*”.

Aspek sinematografi dalam filem bersiri Si Boy jelas menampilkan elemen kemewahan dan ianya memudahkan penebrit untuk menampilkan iklan komersial dalam filem. Sen (1991) menyatakan bahawa setiap segmen dalam filem *Catatan Si Boy* berakhir dengan kemungkinan untuk awal yang baru. Jalan cerita Si Boy distrukturkan seperti opera sabun atau seperti siri drama radionya, di mana filem berjalan pada titik *present continuous tense* berbanding kepada naratif biasa iaitu *past perfect tense*. Si Boy menandai perubahan pada filem remaja, di mana Si Boy merupakan bahagian dari *setting*, bintang, watak dan audiens.

Adegan dalam filem *Catatan Si Boy* dimulai dengan Si Boy yang menjalin kasih dengan kekasihnya Nuke yang tidak direstui orang tua Nuke yang merupakan seorang pegawai tinggi di pejabat kerajaan. Ayah Nuke digambarkan sebagai seorang yang idealis bekerja, dan mengalami kejadian yang kurang menyenangkan kerana pegawai yang bekerja di syarikat bapa Boy berusaha untuk memberi rasuah kepadanya. Hal ini membawa kepada tindakan bapa Nuke untuk menyekolahkannya di luar negara untuk menjauhkan anaknya dengan Si Boy. Si Boy dalam filem ini memang digambarkan sebagai watak yang sempurna, dengan pemaparan pada awal filem sedang melakukan ibadah solat. Si Boy juga sering melakukan latihan tinju dan kemampuan beliau bertarung ditunjukkan Si Boy ketika mengejar perompak yang merampas kalung seorang wanita muda. Naratif bahawa Si Boy seorang pemuda ideal Orde Baru juga ditunjukkan dalam kegiatan kampus kerana pemaparan Si Boy yang aktif menjadi ketua mahasiswa, dan menjadi panitia majlis sambutan mahasiswa baharu, yang menjadi wadah Boy bertemu dengan Vera, seorang wanita Indonesia keturunan Belanda yang kemudian menjadi kekasih baru Boy.

Kecenderungan menyokong Orde Baru dalam filem itu juga kelihatan pada papan sepanduk menyambut mahasiswa baharu yang bertuliskan “Penerus Orde Baru”. Remaja seperti Si Boy walaupun digambarkan suka berhibur di diskò tetapi masih memegang teguh budaya Timur, seperti menolak ajakan untuk menjalin hubungan seks daripada wanita yang ditolongnya, dan juga ajakan dari kekasihnya, Vera yang menganggap hubungan sebelum nikah sebagai hal yang wajar kerana Vera sudah lama tinggal di Los Angeles sehingga budaya di sana mempengaruhi pola pemikiran dan perlakuannya.

Bahasa yang digunakan dalam siri filem *Catatan Si Boy* ini adalah bahasa yang pada masa itu disebut sebagai bahasa prokem, walaupun ada keunikan apabila ibu Vera dalam percakapannya menuturkan bahasa Indonesia, bahasa Sunda, dan bahasa Inggeris. Muzik dalam filem ini juga menampilkan seniman Indonesia, Gombloh yang menyanyikan lagu ‘Kugadaikan Cintaku’. Tradisi tempatan juga cuba digambarkan dalam

sambutan mahasiswa baru dengan acara penyiraman air sebagai simbol bahawa mahasiswa tersebut sudah sah menjadi seorang penuntut di universiti.

Filem *Lupus* pula sangat berbeza dengan siri *Catatan Si Boy*. Ianya adalah cerita mengenai remaja biasa dengan segala permasalahannya di sekolah. *Lupus* diadaptasi dari novel bertajuk sama yang ditulis oleh Hilman Hariwijaya. *Lupus* pertama kali diperkenalkan oleh Hilman melalui cerita bersambung di majalah remaja, HAI. *Lupus* yang dibintangi oleh Ryan Hidayat, pertama kali diterbitkan pada tahun 1987, tahun yang sama dengan *Catatan Si Boy*.

Kejayaan filem *Lupus* membuatkan ianya dijadikan empat siri. Siri pertama dalam filem ini bertajuk *Tangkaplah Daku Kau Kujitak*, yang seakan-akan merupakan parodi dari tajuk filem sukses iaitu *Tangkaplah Daku Kau Kutangkap*, walaupun tidak ada kaitan antara kedua filem tersebut. Apa yang membezakan filem bersiri *Catatan Si Boy* adalah gambaran watak Si Boy yang kaya dan boleh mendapatkan dengan mudah segala keinginannya, manakala *Lupus* berasal dari keluarga kelas menengah dengan keluarga tunggal, Justeru itu, untuk mendapatkan cukup perbelanjaan, Lupus menjadi wartawan di majalah *Remaja*.

Cerita dari siri pertama filem ini lebih banyak memaparkan aktiviti watak utama di sekolah dengan cerita Lupus memiliki kekasih bernama Poppy dan teman-teman yang bernama Boim dan Gusur. Apa yang nyata, perlukisan watak Onky Alexander yang melakonkan watak Si Boy sebagai ikon, maka Ryan Hidayat yang membawa watak *Lupus* juga diangkat menjadi idola remaja pada masanya. Pada siri ketiga filem itu iaitu *Topi-topi Centil*, Hilman Hariwijaya sebagai penulis melakonkan watak *Lupus* menggantikan Ryan Hidayat. Bagi kajian ini penulis menjadikan filem ini sebagai unit analisis.

Berbeza dengan Si Boy yang tinggal di perumahan elit, Lupus adalah remaja kebanyakan dan tinggal di perumahan yang padat penduduk.

Cerita dalam filem ini berputar kepada permasalahan Lupus dengan ayahnya, dan Lulu (adik Lupus) yang menyukai teman sekolahnya dan ingin memberikan hadiah topi yang menjadi tajuk filem ini. Beberapa watak sebagai teman Lupus dalam filem tersebut iaitu Gusur, Boim, Anto, dan Fifi Alone yang diceritakan sebagai artis yang menjadi teman sekolah Lupus. Gusur merupakan watak yang menarik di layar perak kerana dia bercakap selalunya menggunakan bahasa Indonesia baku, yang berbeza dengan teman sekolahnya yang menggunakan bahasa pergaulan remaja sehari-hari. Teman-teman Lupus juga digambarkan sangat akrab; mereka mengunjungi Lupus yang sedang sakit.

Hilman, yang menjadi pelakon dalam filem ini juga menggambarkan Lupus sebagai remaja kebanyakan, yang walaupun terkesan tidak serius tapi membaca buku serius seperti karya Alvin Toffler “Future Shock”. Bahagian paling serius dalam filem ini adalah ketika Lupus memaparkan gagasannya di depan tamu sekolah dan juga para gurunya tentang kondisi remaja masa itu. Misalnya kritikan terhadap ujian multiple choice dan perbezaan selera antara ibu bapa dan anaknya yang dapat menimbulkan konflik. Sebelumnya tamu dari sekolah yang dilakonkan oleh Deddy Mizwar memaparkan gagasannya bahawa berani jujur adalah benih demokrasi.

Filem remaja *Catatan Si Boy* memaparkan diskò sebagai tempat yang positif bagi remaja, namun demikian dalam filem *Lupus*, diskò dipaparkan memberi kesan negatif bagi orang yang suka keluar malam dan berhibur di diskò. Dalam satu adegan, salah seorang teman Lupus, iaitu Fifi Alone sering terlambat dan mengantuk di kelas. Aspek akulturasi dapat ditemukan dari poster di kamar Lupus yang menunjukkan ada gambar wayang kulit yang diganti mukanya dengan muka vokalis *Rolling Stones*, Mick Jagger.

Sebuah lagi filem yang turut dikaji oleh penulis adalah *Ada Apa dengan Cinta* (2001). Cerita filem ini diawali dengan pertandingan deklamasi puisi yang diadakan di sekolah Cinta, seorang juara tetap dari pertandingan puisi tersebut. Ternyata yang menang pada pertandingan berpuisi tahun

ini adalah Rangga, siswa baharu yang relatif tidak dikenali di sekolahnya. Konflik terjadi antara Geng Cinta, kerana teman-temannya tidak menyukai Cinta dekat dengan Rangga, dan Cinta merahsiakan hubungannya dengan Rangga di depan teman-temannya.

Pada suatu ketika, watak Alya melakukan percubaan bunuh diri, kerana Cinta yang biasa diajaknya bicara, tidak dapat dihubungi kerana sedang bercinta dengan Rangga. Cinta meminta maaf kepada teman-temannya dan berjanji tidak akan bertemu dengan Rangga lagi. Apabila mereka sedar bahawa Cinta mencintai Rangga, akhirnya teman-temannya membawa Cinta menjumpai Rangga di lapangan terbang, kerana beliau akan berangkat ke New York untuk pindah ke sana bersama bapanya. Akhirnya Cinta bertemu Rangga, dan keduanya menyatakan rasa cinta mereka. Rangga memberikan catatan berisi puisi kepada Cinta, yang menyatakan dia akan kembali dalam tempoh sebulan (Prananto, 2002)

Identiti remaja kontemporari digambarkan dengan jelas dalam filem ini, misalnya muzik moden yang digubah oleh artis terkenal Indonesia seperti Melly dan Anto Hoed. Selain itu muzik rock juga mendapat representasi dari grup muzik PAS di mana diceritakan kumpulan peminat Cinta menonton konsert kumpulan muzik tersebut. Muzik blues merupakan elemen penting dalam filem ini, dan muzik ini dipaparkan kerana disukai oleh Rangga dan juga salah satu setting lagunya adalah *Blues Kafe Kemang*.

Bahasa juga merupakan aspek yang penting dikaji dalam filem ini, di mana Rangga menggunakan bahasa Indonesia baku berbeza dengan teman-teman sekolahnya yang menggunakan bahasa pergaulan sehari-hari. Puisi juga merupakan aspek yang menarik untuk dikaji dalam filem ini. Rangga dan Cinta diceritakan sama-sama menyukai genre puisi. Rangga menyukai buku sastera, salah satunya Aku yang merupakan kumpulan puisi penyair terkenal Indonesia, Khairil Anwar.

Sebagai perbandingan watak Rangga, yang merupakan watak utama dalam filem ini, pemaparannya adalah berbeza dengan perwatakan Boy

yang *playboy*, atau Lupus yang kelakar. Rangga digambarkan sebagai remaja yang tidak larut dalam pergaulan sekitarnya, menyukai kesendirian dan mempunyai idealisme yang tinggi. Isu Orde Baru juga dinyatakan apabila bapa Rangga diceritakan sebagai pegawai kerajaan masa Orde Baru yang jujur dan setelah penceritaan banyak menulis di media luar negeri mengenai keburukan regim Orde Baru, dan tulisannya membuat banyak pihak yang tidak menyukainya. Dalam salah satu adegan digambarkan ada yang melempar bom molotov ke dalam rumahnya.

Minat Rangga kepada karya sastera tampak jelas ketika Cinta diajak ke Lingkungan Senen, tempat penjualan buku lama. Watak Cinta adalah gadis popular yang tipikal di sekolah dan mempunyai teman-teman sebaya yang selalu menyokongnya. Kerana Rangga, Cinta juga mulai menyukai buku-buku sastera. Filem ini juga menggambarkan konflik dan keganasan dalam rumah tangga seperti yang dialami oleh Alya, teman Cinta dan bagaimana kekerasan itu membuatnya kecewa dan mahu membunuh diri.

Sekuelnya, *Ada Apa dengan Cinta 2* (2016) bermula dengan suasana Jakarta di mana Cinta dan teman-temannya bertemu, dan New York, tempat di mana Rangga bekerja di sebuah organisasi media. Cinta pada masa itu sudah mempunyai kekasih baru bernama Trian, sedangkan Rangga walaupun sudah putus hubungan dengan Cinta tetapi tetap tidak dapat melupakannya. Cerita kemudian menumpukan kepada pertemuan Cinta dan Rangga di Jogjakarta, yang harus pulang ke Indonesia kerana ibunya sakit. Rangga membawa Cinta sehari-hari ke tempat-tempat eksotik di Jogyakarta, hingga melupakan jadual liburan dengan teman-temannya. Oleh kerana terkesan dengan pertemuan di Jogjakarta itu, maka pada masa Rangga menemui Cinta di kafanya di Jakarta, dia meluahkan keinginan agar hubungan mereka tidak hanya sekadar teman biasa. Cinta menolak ajakan Rangga, walaupun akhirnya menyedari bahawa dia masih menyukai Rangga. Akhirnya Cinta menyusul Rangga ke New York dan bertemu di Central Park dan saling menyatakan cinta mereka.

Watak Rangga selepas 12 tahun siri pertama digambarkan lebih dewasa dan walaupun lama tinggal di New York tetapi tidak melupakan jati dirinya selaku warga Indonesia. Pada saat bersama Cinta di Jogjakarta, Rangga telah membawa Cinta melawat tempat-tempat yang melambangkan budaya daerah, seperti Istana Ratu Boko, Phuntuk Setumbu, dan Pasar Tradisional Prawirotan. Begitu juga dengan tempat makan dan minum kopi Rangga dan Cinta semuanya dipaparkan berlaku di restoran tempatan yang sangat menonjolkan budaya daerah.

Filem ini juga menghadirkan muzik *Kill the DJ*, muzik menghentak dengan bahasa Jawa. Watak Cinta telah dipaparkan sebagai seorang wanita dewasa yang menjadi pengurus sebuah galeri lukisan, dengan perwatakan asal seperti dalam pemaparan dalam filem pertama; Cinta tetap menjadi wanita moden yang berdikari tanpa mengharapkan ehsan lelaki. Dalam filem ini pengarahnya jelas ingin menampilkan filem dengan budaya tempatan berbanding dengan filem pertamanya yang berpusat di kota metropolitan Jakarta. Pada sisi yang berbeza, Jogjakarta adalah pusat kebudayaan Jawa yang dipaparkan dengan masyarakatnya masih menjunjung tinggi budaya tempatan dalam setiap aspek kehidupan. Akulturasi budaya juga nampak jelas pada penampilan teater boneka *Papermoon Puppet Theatre*, yang bertajuk *Secangkir Kopi dari Playa*, yang dilihamkan dari kisah seorang pelajar Indonesia yang bersekolah di Moscow menjelang peristiwa pemberontakan komunis pada tahun 1965.

Kaedah Kajian

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah *kaedah kualitatif* yang bertujuan menjelaskan fenomena dengan mendalam melalui pengumpulan data. Kajian ini tidak mementingkan jumlah populasi yang besar. Jika data yang terkumpul sudah mencukupi dan boleh menjelaskan fenomena yang diteliti, maka tidak perlu menambah sampel yang lainnya. Tumpuan dalam kajian ini adalah persoalan kualiti data dan bukannya kuantiti data (Kriyantono, 2006).

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis kandungan kualitatif. Analisis kandungan (*content analysis*) adalah penelitian yang bersifat pembahasan mendalam terhadap isi kandungan yang tertulis atau tercetak dalam media massa. Pelopor analisis kandungan adalah Harold D. Lasswell, yang mempelopori teknik *symbol coding*, iaitu mencatit simbol atau mesej secara sistematik sebelum diberikan interpretasi.

Oleh kerana dalam analisis kandungan yang menjadi bahan dasar penelitian adalah perutusan (*message*), maka iaanya membolehkan pengkaji memilih objek kajian penelitian yang lebih luas. Mesej itu sendiri jika merujuk pada pendapat Leeuwen dan Jewitt (Van Leeuwen & Jewitt, 2001) terdiri dari komponen: *words, actions, pictures*, sehingga penelitian dengan menggunakan analisis kandungan ini mempunyai cakupan yang luas untuk meneliti masalah-masalah yang ada dalam objek penelitian komunikasi. Analisis kandungan boleh bersifat kuantitatif mahupun kualitatif. Bagi analisis secara kualitatif, maka analisis kandungan adalah bersifat sistematis, analitikal namun demikian tidak kaku. Pembinaan kategorisasi hanya dipakai sebagai panduan, justeru itu pengkaji dibenarkan menerima konsep-konsep atau kategorisasi yang lain muncul selagi proses penyelidikan berlangsung (Kriyantono, 2006, p. 248). Kaedah analisis yang berlandaskan dari pendekatan analisis kandungan kualitatif adalah analisis *framing*, analisis wacana, analisis tekstual, kajian semiotik dan analisis retorik.

Kelebihan menggunakan analisis kandungan kualitatif adalah mencakupi sisi ekonominya, kerana pembayaran yang dikeluarkan secara relatifnya lebih murah berbanding penelitian melalui tinjauan atau wawancara. Selain itu, data dalam jumlah yang besar dapat diteliti dengan mudah. Pada akhirnya, analisis isi kandungan kualitatif memungkinkan pengkaji untuk mempelajari proses yang terjadi pada waktu yang lama. Misalnya pemaparan watak Afrika-Amerika dalam novel terbitan 1850-1860 (Babbie, 2008, 361). Walau bagaimanpun, analisis kandungan kualitatif juga memiliki beberapa kelemahan. Dari berbagai penelitian didapati bahawa kaedah sebegini kurang memberi perhatian dalam hal formaliti

dan dapatan kajian juga sukar untuk diulang. Oleh itu, isu kesahan (*validity*) diragukan untuk ditemukan, selain bias dalam representasi (Krippendorff, 2004, 65).

Pada masa ini, teknik analisis kandungan tidak sahaja digunakan para pengkaji dalam penelitian yang bersifat tekstual. Sesungguhnya, teknik ini telah berkembang terutama dalam kajian untuk media televisyen dan filem. Berdasarkan pendapat Leeuwen dan Jewitt (2001), teknik analisis isi kandungan telah berkembang dan tidak hanya berguna untuk menganalisis naskhah tulisan, tetapi turut memberi perhatian kepada aspek visual, verbal, grafik, serta lisan. Oleh yang demikian, bahan penelitian dalam teknik analisis isi kandungan dapat dibuat kepada adegan dalam filem dan iklan, mahupun program-program televisyen lainnya. Pengkaji memilih kaedah ini untuk menjalankan analisis kepada sampel filem-filem remaja terpilih Indonesia.

Dapatan dan Perbincangan

Kajian ini ingin melihat bagaimana kepelbagaiannya pemaparan dalam filem remaja di Indonesia memberi suatu pandangan semasa mengenai perubahan sosial dalam masyarakat. Filem remaja merupakan genre yang cukup popular pada masa tayangannya. Di Indonesia, beberapa ikon filem remaja seperti Ali Topan, Si Boy, Lupus, Cinta dan Rangga memberikan banyak perubahan sosial remaja sezaman. Oleh itu, makalah ini ingin berhujah bahawa filem remaja berupaya membawa pengaruh tertentu kepada pembentukan identiti keseharian remaja.

Filem remaja Indonesia yang menjadi ikon pada tahun 1970-an seperti *Ali Topan Anak Jalanan* (1977) adalah dirujuk untuk perbincangan ini. Filem itu dibintangi oleh Junaedi Salat dan Yati Oktavia. Dalam filem *Ali Topan Anak Jalanan*, watak utama iaitu Ali Topan digambarkan sebagai remaja yang membesar di jalanan. Indonesia pada masa filem itu dibuat berada pada dalam tempoh awal period Orde Baru yang menyaksikan usaha pembangunan mulai bergerak setelah mengalami masa suram berikutnya pemberontakan Parti Komunis Indonesia pada tahun 1965.

Kondisi keluarga yang tidak stabil menyebabkan Ali Topan menjadi figura yang memberontak walaupun beliau adalah pelajar yang pintar di sekolah. Gejolak perwatakan yang memberontak dapat dilihat dari pengalaman Ali Topan yang lebih banyak hidup di jalanan bersama kelompok rakan motosikalnya berbanding berada di rumah. Dalam filem ini, remaja digambarkan terpengaruh dengan aliran muzik dari Barat, terutamanya pengaruh irama diskò dengan lagu-lagu *Bee Gees* yang popular pada masa itu. Salah satu adegan dalam filem ini menggambarkan Ali Topan dan kawan-kawannya menari diskò di depan sebuah kedai dan tari geraknya diikuti oleh remaja-remaja yang berada di sekitar tempat itu. Selain itu, budaya feudal juga dipaparkan masih kuat dipegang oleh golongan dewasa, terutama ibu bapa. Misalnya bapa kepada Anna Karenina, perempuan yang disukai oleh Ali Topan dengan jelas menyatakan dia mahu pasangan anaknya dari kalangan bangsawan seperti dirinya.

Catatan Si Boy merupakan siri filem popular yang mana filem pertamanya ditayangkan di pawagam pada tahun 1987. Kemudian ianya dilanjutkan dengan *Catatan Si Boy 2* (1988), *Catatan Si Boy 3* (1989), *Catatan Si Boy 4* (1990), dan *Catatan Si Boy 5* (1991). Kesemua filem ini dibintangi oleh Onky Alexander yang memegang watak Boy. Era 1980-an adalah tempoh berlakunya pembangunan di Indonesia dengan pesat dan menyaksikan kewujudan masyarakat kelas menengah yang ditandai dengan simbol kereta-kereta mewah yang digunakan oleh kesemua watak utamanya.

Kesemua siri filem *Catatan Si Boy* memaparkan watak utamanya Boy sebagai remaja sempurna yang memiliki segala-galanya. Boy berasal dari keluarga kaya walaupun filem ini tidak menggambarkan jenis perniagaan yang diusahakan oleh ibu bapa kepada Boy. Watak Boy merupakan gambaran ideal remaja Orde Baru, iaitu kaya, tampan, dan rajin beribadah. Pada tahun 1980-an, muncul diskò dan pusat hiburan yang tidak dibenarkan beroperasi pada era sebelumnya. Banyak adegan dalam siri filem *Catatan Si Boy* dan juga sekuelnya mengambil latar di tempat hiburan tersebut. Hal ini terlihat sangat bertentangan dengan nilai-nilai Islam yang ditunjukkan oleh Si Boy.

Perubahan sosial pada era 1980-an itu cuba ditunjukkan juga dengan gaya hidup bebas lepas melalui watak Vera yang merupakan kekasih Si Boy, yang diceritakan telah lama tinggal di luar negara. Benturan budaya barat yang permisif yang ditunjukkan oleh Vera ternyata tidak dapat diterima oleh Si Boy yang mendapat pendidikan Timur. Bauran antara budaya Barat dan Timur dialami oleh Boy secara langsung ketika dia harus melanjutkan pendidikan di Los Angeles dalam filem *Catatan Si Boy 3*.

Pada era 1980-an filem remaja yang juga popular adalah siri filem *Lupus*. Filem yang didasarkan kepada novel remaja bertajuk sama ini ditulis oleh Hilman Hariwijaya dan filemnya dibintangi oleh Ryan Hidayat yang berperan sebagai Lupus, kecuali dalam *Lupus 3* (1989) apabila Hilman Hariwijaya melakonkan watak Lupus. Berbeza dengan Boy, Lupus merupakan gambaran tipikal remaja biasa dengan aktiviti sehariannya di sekolah. Lupus adalah anak dari keluarga tunggal dan ibunya berjualan kuih untuk mencari rezeki.

Lupus adalah potret keluarga dalam masyarakat kebanyakan di Indonesia dengan watak yang biasa ditemui dalam kehidupan harian. Pengaruh budaya Barat diperlihatkan pada gaya rambut Lupus yang terpengaruh dengan gaya rambut kumpulan muzik *Duran-Duran* yang popular pada masa itu. Dalam filem *Lupus 3* (1989), penceritaan diteruskan dengan kehidupan Lupus di sekolah. Secara umum siri filem ini ingin memperlihatkan bahawa remaja juga mempunyai idealismenya sendiri. Dalam adegan awal telah diperlihatkan Lupus dan kawan-kawannya yang melukis mural sebagai sarana ekspresi diri mereka. Selain itu, pengkarya filem ini memerikan watak Gusur, pecinta karya sastera yang sering membaca puisinya di sekolah. Pada bahagian akhir filem, Lupus berada di hadapan gurunya untuk membacakan karya ilmiahnya yang bertajuk “Berani Jujur Benih Demokrasi”, yang mengajak generasi muda untuk menghargai kejujuran terutama dalam mengerjakan tugas sekolah.

Ada Apa dengan Cinta dan *Ada Apa dengan Cinta 2* adalah filem remaja yang lahir setelah era reformasi yang ditandai dengan penghapusan peraturan yang mengekang penerbitan filem nasional. Lantaran itu karyawan filem bebas menghasilkan filem yang sesuai dengan keinginannya. *Ada Apa dengan Cinta* yang dihasilkan hanya beberapa tahun setelah angin kebebasan tersebut melanda Indonesia membawa mesej tentang percintaan dua orang remaja yang mempunyai identiti yang berbeza. Rangga dengan identitinya sendiri, yang tidak terpengaruh oleh budaya global. Rangga diperlihatkan mencintai puisi, tidak seperti remaja tipikal yang lain. Beliau juga suka membaca karya sastera tinggi dan juga menggunakan bahasa baku dalam berkomunikasi.

Secara kontras Cinta, seorang remaja metropolitan lebih menyukai budaya popular dan hanya mulai mendekati karya sastera setelah bertemu dengan Rangga. Dua identiti yang berbeza ini menyatu dalam jalinan percintaan. Hal ini demikian berbeza dengan naratif filem remaja masa Orde Baru yang memperlihatkan peranan ibu bapa yang dominan dalam kisah percintaan misalnya dalam *Catatan Si Boy*. Ternyata siri *Ada Apa dengan Cinta* menampakkan peranan ibu bapa yang tidak masuk campur dalam urusan anak-anak.

Dalam siri keduanya, *Ada Apa dengan Cinta* mencuba menawarkan konsep glokalisasi, dengan gambaran Rangga walaupun sudah bertahun-tahun tinggal di New York, tetap menjadi seorang manusia Indonesia yang menghargai budaya tempatan ketika mengajak Cinta berjalan-jalan di Jogjakarta dan menelusuri banyak tempat yang tidak pernah diketahui dan dikunjungi Cinta. Naratif filem ini seakan menggambarkan bahawa walaupun seseorang watan Indonesia itu bertahun-tahun tinggal di negara Barat, namun beliau tidak akan melupakan identiti yang dimilikinya, iaitu identiti Indonesia.

Dalam penelitian terdahulu, Sen dan Hill (K. Sen & Hill, 2001), baik Lupus mahupun Boy dapat dihubungkan dengan munculnya pasaran remaja yang merupakan gambaran pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan

kelas menengah dan atas pada dekad 1980-an di Indonesia. Sen dan Hill (2001) ingin menyatakan bahawa perwatakan Lulus dan Boy telah membuka jalan bagi remaja Indonesia untuk menjadi sebahagian dari masyarakat pengguna (*consumer society*). Menurut Sen dan Hill (2001) lagi, Boy menjadi indikator perubahan sosial di Indonesia dan watak Si Boy dipaparkan secara dinamik dengan gambaran bentuk perubahan yang sesuai dengan perkembangan zamannya. Sejajar dengan kajian lalu, makalah ini menegaskan watak Si Boy yang serba sempurna merupakan gambaran remaja ideal Orde Baru. Hal ini demikian tidak menghairankan kerana penerbit filem ini adalah Sudwikatmono yang merupakan adik tiri kepada mantan Presiden Soeharto yang memimpin Indonesia ketika itu.

Sebagai latar perbincangan makalah ini, Mira Lesmana dan Riri Riza yang menjadi penerbit siri filem *Ada Apa dengan Cinta* merupakan pengarah generasi filem Indonesia pada masa awal reformasi. Sebelum *Ada Apa dengan Cinta*, mereka telah menghasilkan *Petualangan Sherina* (2000), filem anak muda pertama di Indonesia setelah bertahun-tahunnya filem Indonesia terhenti penerbitannya. Filem *Ada Apa dengan Cinta* ingin menunjukkan bahawa remaja seperti Rangga, memiliki identitinya sendiri yang tidak terpengaruh oleh budaya Barat. Watak Rangga dan pelakonnya, Nicholas Saputra menjadi idola baharu, dan membangkitkan kembali kecintaan kepada puisi. Begitu juga dengan siri kedua *Ada Apa dengan Cinta*, pengarah mengajak penonton untuk lebih mengenal lagi budaya tempatan, terutama budaya Jogjakarta yang menjadi inti utama filem ini. Selain itu, ada usaha memaparkan bauran budaya Barat dan tempatan, seperti pada pertunjukan boneka dan juga muzik semasa.

Kesimpulan

Filem Indonesia telah mengalami perkembangan yang pesat sejak beberapa tahun ini. Dengan jumlah produksi sekurangnya 100 filem dalam setahun, filem merupakan salah satu medium yang membawa perubahan sosial. Selain genre filem seram, genre remaja merupakan genre yang banyak diminati penonton filem di Indonesia. Pada masa Orde Baru, terbitnya filem seperti *Ali Topan Anak Jalan*, *Pengantin*

Remaja, Catatan Si Boy 1-5, dan Lupus 1-5 untuk pasaran Indonesia. Pada tempoh pasca Orde Baru, filem seperti *Ada Apa dengan Cinta* dan juga *Dilan* membina perwatakannya sendiri. Dalam tempoh Orde Baru yang meletakkan peraturan dan sekatan ekspresi dalam membuat filem, maka ianya telah menjadi corong propaganda Orde Baru. *Catatan Si Boy* misalnya, memaparkan suri teladan yang diinginkan oleh pemerintah Orde Baru, walaupun filem ini banyak mengandungi budaya Barat. Apa yang pasti, jalan cerita filem itu tetap menampilkan aspek moral dan agama. Makalah ini berhujah bahawa senario demikian merupakan sesuatu yang kontradiktif.

Pada tempoh pasca Orde Baru yang menyaksikan kekangan berupa peraturan dalam penghasilan filem telah dihapuskan, pembuat filem bebas dapat menghasilkan filem yang sesuai dengan idea dan fikirannya. Salah satunya adalah filem *Ada Apa dengan Cinta* yang memaparkan watak Rangga, remaja pemberontak yang idealis yang menyukai Cinta, wanita popular di sekolah yang mempunyai ramai kawan baik. Rangga digambarkan dalam filem mempunyai bapa yang tidak disukai ramai orang kerana menentang kezaliman Orde Baru, cerita yang tidak mungkin ditulis dan difilemkan semasa Orde Baru.

Secara umumnya filem remaja Indonesia berjaya menggambarkan keadaan sezaman. Kunci kebebasan yang diperoleh oleh karyawan filem Indonesia pada era pasca Orde Baru menjadikan tema filem Indonesia lebih pelbagai. Kesimpulannya, genre filem remaja akan tetap menjadi genre yang diminati oleh penonton.

Rujukan

- Aartsen, J.V (2011). *Film world Indonesia: The rise after the fall. (Unpublished Master thesis)*: Utrecht University, the Netherlands.
- Abdullah, T., Ardan, S. M., Biran, M. Y., & Dewan Film, N. (1993). *Film Indonesia: bagian I: 1900-1950*. Jakarta: Dewan Film Nasional.

- Babbie, E. R. (2008). *The basics of social research*. Belmont: Wadsworth Thomson Learning.
- Biran, M. Y. (2009). *Sejarah film, 1900-1950: bikin film di Jawa*: Komunitas Bambu.
- Behm-Morawitz, E, & Mastro, D.E (2008). Mean Girls? The influence of gender portrayal in teen movies on emerging adultsgender-based attitudes and beliefs. *Journalism & Mass Communication Quarterly*, 85 (1).
- Considine, D.M (1985). *The cinema of adolescence*. London : Routledge
- Driscoll, C. (2011). *Teen film : A critical introduction*. Oxford: Berg Publisher.
- Gobbel, R. (2002). Ide Filem harus datang dari hari. Retrieved January 27, 2016, from Perspektifbaru.com
- Hanan, D. (2008). Changing social formations in Indonesian and Thai teen movies. Popular culture in Indonesia: Fluid identities in post-authoritarian politics, 54-69.
- Heider, K. G. (1991). *Indonesian cinema: National culture on screen*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Heryanto, A. (2008). Popular culture in Indonesia: Fluid identities in post-authoritarian politics. Taylor & Francis.
- Irwansyah, A. (2016). Bagaimana AADC pertama dibuat dan jadi legenda. Retrieved January 27, 2007, from Storibriti.com
- Krippendorff, K. (2004). *Content analysis: an introduction to its methodology*. Los Angeles, London: SAGE Publications.
- Leeuwen, V.T., & Jewitt, C.(penyt). (2001). *The handbook of visual analysis*. London: SAGE Publications.
- Miftakhul, H. (July 19-20,2017). *Membangun Identitas dalam Wacana*. Kertas kerja dibentangkan pada International Seminar Language Maintenance and Shift, Hotel New Semarang, Indonesia.
- Murtagh, B. (2010). Coklat Stroberi: An Indonesian romance in three flavours. *South East Asia Research*, 18(2), 219-243.
- Nelson, H.N.(2019). *The Breakfast Club: John Hughes, Hollywood and the golden age of the teen film*. New York: Routledge.

- Noviani, R. (2011). Konsep diri remaja dalam film Indonesia: Analisis wacana atas film remaja Indonesia tahun 1970-2000-an. *Jurnal Kawistara*, 1(1).
- Prananto, J. (2002). *Ada apa dengan Cinta: Sebuah skenario*. Jakarta: Metafor Publishing.
- Sasono, E. (2010). Islamic-themed films in contemporary Indonesia: Commodified religion or Islamization? *Asian Cinema*, 21(2), 48-68.
- Sen, K. (1991). Si Boy looked at Johnny: Indonesian screen at the turn of the decade. *Continuum: Journal of Media & Cultural Studies*, 4(2), 136-151.
- Sen, K. (2009). *Kuasa dalam sinema*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Sen, K., & Hill, D. T. (2001). *Media, budaya dan politik di Indonesia*. Jakarta: Institut Studi Arus Informasi & PT Media Lintas Inti Nusantara.
- Shary, T. & Seibel,A. (2007). *Youth culture in global cinema*. Austin: University of Texas.
- Smith, F. (2018). *Rethinking the Hollywood teen movie : Gender, genre and identity*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Yngvesson, D. (2015). Kuldesak and the inexorable Pulp Fiction of Indonesian film history. *Indonesia and the Malay World*, 43(127), 345-377. doi:10.1080/13639811.2015.1046756